

Saudara Pemuda
4 FEB 1971

Saudara Yahaya Ismail dalam mengkritik buku "Revolusi Mental" telah menyamakan buku saya "The Malay Dilemma" dengan "Hikayat Abdullah" dan "Hikayat Pelayaran Abdullah."

Saya selalu berpendapat bahawa tulisan Munshi Abdullah memperhina orang2 Melayu dengan tidak membuat chadangan2 yang membangun. Munshi Abdullah chuma ingin supaya orang2 Melayu di-jadikan hamba Inggeris yang terpuji.

Kalau saya membuat tegoran terhadap masyarakat Melayu, tegoran ini diikuti dengan chadangan2 untuk mengatasi kelemahan2 mereka. Tegoran ini juga di-buat dalam kontek masyarakat yang berbilang bangsa dan kedudukan politik, sosial dan ekonomi negara kita di-masa ini. Tegoran saya bukan sahaja terhadap bangsa saya sendiri tetapi terhadap bangsa2 lain juga.

Bagi siapa yang membaca buku saya sahaja tentu-lah ter-rang bahawa pendapat dan tegoran saya tidak seperti Abdullah Munshi.

Saudara Yahaya Ismail yang selalu berchakap tentang kontek patut-lah mengkaji analisa saya terhadap orang2 Melayu di-dalam kontek tulisan saya berkenaan dengan kedudukan negara kita sekarang.

Kalau "The Malay Dilemma" boleh di-katakan "The Ugly Malay" maka ia-nya juga boleh di-tafsirkan sahaja "The Ugly Chinese British Indian dan lain2."

Saya belum dapat membaca buku "Revolusi Mental" tetapi saya mengucapkan tahniah kepada Saudara Yahaya Ismail kerana berani mengulas dan mengkritik seperti itu.

Saya sa-pendapat dengan Saudara Yahaya Ismail ia-itu buku "Revolusi Mental", itu patut-lah di-baca dan di-amalkan oleh semua pemimpin2 Melayu teriebeh dulu.

Sikap "buat seperti aku kata tetapi jangan seperti aku buat" patut-lah di-hapuskan di-kalangan pemimpin2 kita. —
DR. MAHATHIR MOHAMAD, Alor Setar.